

NO. KAD PENGENALAN /
NO. SIJIL KELAHIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
UPSR
BAHASA MELAYU
(PEMAHAMAN)

2019

011

1½ Jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- Kertas soalan ini mengandungi Dua bahagian iaitu : Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A soalan objektif dan Bahagian B soalan subjektif.***
- Jawab semua soalan.***

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak

Bahagian A

[20 markah]

Soalan 1 hingga 8

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Cikgu Noorly meminta murid-murid berkumpul di tepi Dewan Seri Gemilang.
_____ mengarahkan _____ membuat tiga barisan.
- A Dia ... kita
B Beliau ... kami
C Beliau ... mereka
D Dia ... kalian
- 2 Ketika melihat pergaduhan itu adik berkata, “ _____, sungguh malang nasib pemuda itu!”
- A Cis
B Aduh
C Amboi
D Aduhai
- 3 _____ polis itu sedang menyampaikan taklimat kepada para wartawan tentang kejadian rusuhan di pusat tahanan itu.
- A Jurutera
B Juruulas
C Jurucakap
D Jurubahasa
- 4 Buaya yang besar itu _____ ekornya sebelum membaham mangsanya.
- A mengebaskan
B mengibaskan
C mengipaskan
D melibaskan
- 5 “Hamba hanya _____ titah perintah baginda tuanku,” kata Hang Tuah.
- A menganugerahi
B menjunjung
C menghadap
D merafak
- 6 _____ negara ini berpunca daripada perpaduan antara pelbagai kaum yang wujud dalam kalangan rakyat.
- A Suburnya
B Hancurnya
C Makmurnya
D Kecundangnya

- 7 Kesan _____ membantu menimbulkan suasana yang ceria dalam filem yang diarahkan oleh pengarah yang tersohor itu.

A tatakerja
 B tatarakyat
 C tatabahasa
 D tatacahaya

Soalan 8 berdasarkan gambar di bawah.



- 8 Sebagai pengurus syarikat pelancongan yang berpengalaman, Puan Hasuani sentiasa _____ pakaian yang kemas dan berjenama untuk _____ imejnya.

A melaram ... mengekalkan
 B menyarung ... menggandakan
 C memakai ... menghangatkan
 D menampilkan ... membesarkan

- 9 Setelah mendapat gaji yang lumayan, kini abang mampu **melangsaikan** semua pinjamannya.

Pilih perkataan **antonim** bagi melangsaikan

A melunaskan
 B menghabiskan
 C menanggungkan
 D membelanjakan

Dia berasa tersinggung terhadap tingkah laku buruk yang ditunjukkan oleh sahabatnya.

Pilih simpulan bahasa yang sesuai dengan pernyataan di atas.

- A panas hati
- B berat hati
- C jauh hati
- D iri hati

11 Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- I Serigala itu berundur beberapa tapak sebelum beredar.
- II Masalah pembiakan nyamuk di tapak pembinaan amat membimbangkan.
- III Penyanyi itu tapak segak apabila berambut pendek.
- IV Tapak sirih peninggalan datuknya telah hilang.

- A I dan II
- B II dan III
- C I dan IV
- D III dan IV

12 Pilih ayat yang mempunyai imbuhan apitan yang betul.

- I Kakak berasa bangga dapat mengajar di sekolah di kawasan **pendalaman**.
- II Petani itu **memperhambakan** dirinya kepada ketua kampung.
- III Puan Salma **menghadiahkan** anaknya sebuah basikal.
- IV Lelaki itu **beristerikan** seorang puteri raja.

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

13 Pilih ayat tanya yang sesuai bagi jawapan yang diberikan.

Kerja-kerja menyiapkan sambutan kemerdekaan itu telah diselesaikan pagi semalam.

- A Mengapakah sambutan kemerdekaan itu perlu disiapkan pagi semalam?
- B Bilakah kerja-kerja menyiapkan sambutan kemerdekaan itu dapat diselesaikan?
- C Adakah kerja-kerja menyiapkan sambutan kemerdekaan itu telah selesai pagi semalam?
- D Apakah persiapan sambutan kemerdekaan itu diselesaikan pagi semalam?

14 Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

Usaha melahirkan masyarakat yang bersatu padu dalam pelbagai kaum dapat dipupuk melalui semangat gotong-royong.

- A Semangat gotong-royong dapat memupuk usaha untuk melahirkan masyarakat yang bersatu padu dalam pelbagai kaum.
- B Masyarakat yang bersatu padu dalam pelbagai kaum dapat mengadakan gotong-royong.
- C Pelbagai masyarakat yang bersatu padu dapat melahirkan semangat gotong-royong.
- D Semangat masyarakat yang bersatu padu dalam pelbagai kaum dapat dipupuk dengan adanya usaha gotong-royong.

Soalan 15

Pilih ayat yang betul.

- 15 A Rumahnya terletak jauh daripada bandar.
- B Jangan usah dikenangkan perkara yang lalu.
- C Dari sudut pandangan mereka, perkara itu wajar diutamakan.
- D Kebanyakan perabot yang mewah itu berasal daripada negara Thailand.

Soalan 16 hingga 20

Baca nota di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Yusri,

- 1 Petang ini pasukan hoki sekolah kita akan mengadakan perlawanan persahabatan di padang Sekolah Kebangsaan Pangkal Nering.
- 2 Pada pukul 4.00 petang nanti, semua pemain mesti berada di padang sekolah berkenaan. Perlawanan dijangka diadakan tiga puluh minit kemudian.
- 3 Sila arahkan para pemain berkumpul di tempat letak kereta sekolah kita. Bas akan datang untuk membawa kamu ke sana pada pukul 3.30 petang. Perjalanan dijangka mengambil masa setengah jam.
- 4 Ambil jersi berwarna hijau kerana pasukan lawan akan memakai jersi berwarna kuning. Pastikan bilangan jersi mencukupi dan lengkap bernombor. Jangan pula lupa membawa kayu dan bola hoki. Barang-barang tersebut disimpan dalam stor. Kunci ada pada Cikgu Linda.
- 5 Ambil minuman di kantin dan bawa bersama ke sana. Cikgu sudah uruskan soal ini dengan pengusaha kantin. Cikgu akan datang ke sana tetapi lewat sedikit kerana cikgu ada mesyuarat. Jangan bimbang, Cikgu Linda akan membantu anda semua. Jumpa di sana nanti, terima kasih.

Daripada: Cikgu Jahnilawati

16 Pukul berapakah perlawanan hoki itu akan diadakan?

- A 4.00 petang.
- B 4.30 petang.
- C 4.40 petang.
- D 5.00 petang.

17 Apakah jawatan Yusri dalam pasukan hoki itu?

- A Setiausaha pertandingan.
- B Pengurus pasukan.
- C Ketua pasukan.
- D Jurulatih hoki.

18 Mengapakah pasukan hoki itu memilih jersi berwarna hijau?

- A Supaya mudah dipandang.
- B Supaya kelihatan lebih bergaya.
- C Supaya berbeza dengan pasukan lawan.
- D Supaya pemain-pemain lebih bersemangat.

19 Cikgu Linda mungkin sekali

- A guru pengiring kepada pasukan hoki itu.
- B guru pendidikan jasmani.
- C guru rumah sukan.
- D guru kokurikulum.

20 Berikut ialah tujuan perlawanan persahabatan itu diadakan **kecuali**

- A untuk menguji kekuatan pasukan lawan.
- B meningkat kecerdasan dan semangat.
- C persiapan ke perlawanan akhir.
- D menambah pengalaman bermain.

BAHAGIAN A TAMAT

BAHAGIAN B

[30 markah]

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

Soalan 21

(a) Tandakan (✓) bagi penjudoh bilangan yang betul berdasarkan ayat di bawah.

(i) Maslia menerima _____ surat daripada sahabatnya yang berada di Johor.
sehelai () sepucuk () sekeping ()

(ii) Puan Nor Zakiah mengambil _____ payung untuk digunakan kerana hujan turun dengan lebat pada hari itu.

sekaki () sebatang () sebuah ()

[2 markah]

(b) Padankan perkataan yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.

(i) “ _____ mesti belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya,” pesan Cikgu Haslinda kepada Suraiya.	→	Kamu
(ii) Encik Shukri sudah lama memegang jawatan sebagai pengurus dalam syarikat itu. _____ merupakan seorang yang tegas semasa menjalankan tugas.		Baginda
(iii) _____ akan berangkat ke majlis sambutan Hari Kemerdekaan yang diadakan pada tahun ini.		Mereka
(iv) _____ sedang berlatih dengan bersungguh-sungguh sebagai persiapan untuk pertandingan bola sepak yang akan diadakan nanti.		Beliau

[3 markah]

(c) Garis jawapan yang paling sesuai bagi ayat di bawah.

- (i) Murid-murid keluar (daripada, pada, dari) dewan peperiksaan setelah menghantar kertas jawapan masing-masing.
- (ii) Sesi (temu duga, temu ramah, temu bual) untuk mengisi kekosongan jawatan setiausaha di syarikat tersebut bermula pada pukul sembilan pagi.

[2 markah]

Soalan 22

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah.

kerana	atau	kepada	tetapi
supaya	kecuali	akan	malahan

Rakan-rakan sekalian,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih _____ kawan-kawan sudi datang ke majlis hari jadi saya yang tidak seberapa ini. Kehadiran kawan-kawan tentulah _____ memeriahkan lagi majlis pada malam ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada kawan-kawan yang telah memberi hadiah _____ saya. Hadiah-hadiah ini akan saya simpan sebagai suatu kenangan yang manis. Hari ini genaplah umur saya dua belas tahun. Di sini saya ingin menasihati kawan-kawan _____ belajar rajin-rajin agar cita-cita kita tercapai. Di samping kita bergembira janganlah kita leka. Pelajaran itu sangat penting untuk masa depan kita. Semoga kawan-kawan akan menjadi orang yang berguna kepada bangsa dan negara.

[4 markah]

Soalan 23

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.

Ikan kelisa sangat dihargai oleh orang-orang Melayu. Mereka sanggup membayar beribu-ribu ringgit untuk mendapatkan ikan ini. Bagi mereka, ikan kelisa boleh menarik perhatian orang yang melihatnya.

Keistimewaan ikan kelisa menyebabkan pemiliknya jarang menjadikan ia sebagai lauk. Ia dibela bagai menatang minyak yang penuh oleh pemilik-pemilikinya. Mereka bangga menunjukkan ikan ini kepada para tetamu yang melawat ke rumah. Memelihara ikan ini bukanlah mudah. Ia memerlukan balang yang besar dan belanja membeli makanannya juga mahal.

Ikan kelisa sukar didapati. Ia ialah sejenis ikan air tawar yang dapat membesar sehingga satu meter dan beratnya mencapai 7.5 kilogram. Ia terdapat berbagai-bagai warna. Ada yang berkilat keemasan, ada yang merah dan ada pula yang putih berkilat seperti perak.

Ikan ini hidup ditasik-tasik terpencil di kawasan yang berhutan. Tasik Bera, Pahang dikatakan mempunyai banyak ikan kelisa. Peminat-peminat ikan kelisa akan ke tasik Bera untuk menangkap ikan dengan menggunakan peralatan yang sesuai.

Pihak pengurusan Zoo Negara juga mempamerkan ikan kelisa sebagai satu cara untuk menarik pengunjung supaya datang ke tempat tersebut.

(a) Nyatakan dua jenis warna yang terdapat pada ikan kelisa.

i. _____

ii. _____

[2 markah]

(b) Mengapakah ikan kelisa dianggap istimewa oleh sesetengah masyarakat Melayu?

[2 markah]

- (c) Pada pendapat kamu, bolehkah ikan kelisa dijumpai di Laut Cina Selatan?
Mengapa?

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

[3 markah]

Soalan 24

Baca jadual di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.

JADUAL TUGASAN HARIAN

Kelas : 6 Bestari

Nama Sekolah : Sekolah Kebangsaan Gua Musang

Hari	Sapu Sampah	Lap Cermin	Susun Perabot	Padam Papan Tulis
Ahad	Amin Salma	Arina Nasrullah	Nazhan Syamimi	Azmi Farhan
Isnin	Asri Zaidi	Nazmi Asiyah	Harun Masrul	Azhar Aman
Selasa	Fakri Ahmad	Sukran Nazirah	Salman Azura	Ali Muhammad
Rabu	Idrina Dafi	Zahirah Nabila	Roslina Salmi	Syafiqah Normi
Khamis	Manja Norhayati	Hilmi Rosni	Hassan Shukri	Akhmar Samsul

Perhatian:

1. Murid-murid yang bertugas hendaklah datang setengah jam lebih awal sebelum loceng masuk ke kelas dibunyikan.
2. Murid-murid dikehendaki menggunakan peralatan yang disediakan di dalam kelas.
3. Murid-murid dikehendaki menjalankan tugas secara bekerjasama dengan rakan setugas.
4. Pastikan bilik darjah anda bersih dan ceria setiap masa.

(a) Murid yang bertugas mengelap cermin pada hari Rabu ialah

[1 markah]

(b) Mengapakah murid-murid yang bertugas dikehendaki datang tiga puluh minit lebih awal sebelum loceng masuk ke kelas dibunyikan?

[2 markah]

(c) Pada pendapat kamu, mengapakah murid-murid mesti menjaga keceriaan kelas mereka?

[3 markah]

Soalan 25

Baca iklan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.

ZOO KELANTAN



JADUAL KUNJUNGAN

DIBUKA 6 HARI SEMINGGU:
(SABTU HINGGA KHAMIS)
ZOO DITUTUP PADA HARI JUMAAT

MASA KUNJUNGAN:
9.00 pagi - 4.00 petang

HARGA TIKET:
Dewasa : RM10.00
Kanak-kanak: RM 5.00

AMARAN:

1. Pelawat tidak dibenarkan memetik atau merosakkan tanaman yang terdapat dalam zoo.
2. Pelawat tidak dibenarkan memberi makanan kepada binatang yang terdapat dalam zoo.
3. Kanak-kanak hendaklah sentiasa diawasi oleh ibu bapa atau penjaga semasa berada di zoo.
4. Pengunjung yang mempunyai tiket sahaja dibenarkan masuk ke kawasan zoo.

KUNJUNGILAH
ZOO KELANTAN

(a) Zoo Kelantan tidak dibuka kepada pengunjung pada hari

dalam faham yang diarahkan oleh pengarah yang tersohor itu.

_____ [1 markah]

(b) Mengapakah pihak pengurusan Zoo Kelantan tidak membenarkan pengunjung memberi makanan kepada binatang dalam zoo?

_____ [2 markah]

(c) Pada pendapat kamu, mengapakah pengunjung Zoo Kelantan dikehendaki mematuhi amaran yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan zoo?

_____ [3 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

SKEMA JAWAPAN BM PEMAHAMAN LK 3/ JULAI/PERCUBAAN UPSR 2019

BAHAGIAN A

- | | |
|-------|-------|
| 1. C | 11. A |
| 2. D | 12. D |
| 3. C | 13. B |
| 4. D | 14. A |
| 5. B | 15. C |
| 6. C | 16. B |
| 7. D | 17. C |
| 8. A | 18. C |
| 9. C | 19. A |
| 10. A | 20. C |

BAHAGIAN B :

Soalan 21 :

- (a)
- (i) sepucuk
 - (ii) sekaki

(b)

(ii)	Beliau
(iii)	Baginda
(iv)	Mereka

- (c) (i) dari (ii) temu duga

Soalan 22:

kerana, akan, kepada, supaya

Soalan 23:

(a)

- i. Berkilat keemasan
- ii. Merah atau putih berkilat seperti perak.

(b) Ikan kelisa dianggap istimewa oleh sesetengah masyarakat Melayu kerana ia dapat menarik perhatian orang yang melihatnya.

(c) Pada pendapat saya, ikan kelisa tidak boleh dijumpai di Laut Cina Selatan kerana ia sejenis ikan air tawar.

(Sebarang pendapat yang bersesuaian boleh diterima)

Soalan 24 :

- a. Zahirah dan Nabila
- b. Murid-murid yang bertugas dikehendaki datang tiga puluh minit lebih awal sebelum loceng masuk ke kelas dibunyikan kerana ia memberi ruang kepada mereka menjalankan tugas dan tidak mengganggu masa belajar.
- c. Pada pendapat saya, murid-murid mesti menjaga keceriaan kelas mereka kerana ia dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang baik.
(Sebarang pendapat yang bersesuaian boleh diterima)

Soalan 25 :

- a. Jumaat
- b. Pihak pengurusan Zoo Kelantan tidak membenarkan pengunjung memberi makanan kepada binatang dalam zoo kerana dikhuatiri makanan yang dibawa oleh pengunjung boleh menyebabkan binatang dalam zoo sakit.
- c. Pada pendapat saya, pengunjung Zoo Kelantan dikehendaki mematuhi amaran yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan zoo supaya kunjungan mereka untuk melihat binatang tidak mengalami masalah.
(Sebarang pendapat yang bersesuaian boleh diterima)
